Lubercraft Sdn Bhd lwn Kerajaan Malaysia

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S-21–55 TAHUN 2008
SITI KHADIJAH PK
30 JANUARI 2013

Kontrak — Kemungkiran — Jangkaan munasabah — Projek membekalkan petrol dan diesel kepada stesen-stesen minyak mini secara subsidi — Penamatan projek — Plaintif telah mengeluarkan perbelanjaan, modal dan pendapatan besar — Sama ada terdapat jangkaan munasabah yang diberikan oleh defendan kepada plaintif — Sama ada terdapat kemungkiran jangkaan munasabah

Prosedur sivil — Bidang kuasa — Mahkamah Tinggi — Kemungkiran jangkaan munasabah dan penamatan pelaksanaan — Tuntutan bagi kerugian — Dakwaan berkenaan isu undang-undang am — Sama ada terdapat prosedur khas — Sama ada Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa mendengar dan membicarakan tuntutan — Sama ada tuntutan cacat dan merupakan penyalahgunaan proses mahkamah

Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna ('KPDNKK'), telah memperkenalkan Program PDA7 ('PDA7') yang mana syarikat plaintif telah diberikan kebenaran untuk membekalkan petrol dan diesel kepada stesen-stesen minyak mini di luar bandar secara subsidi berdasarkan bayaran yuran untuk tempoh tiga tahun sekali gus. Namun begitu, defendan memaklumkan semua pemegang kebenaran PDA7 bahawa pelaksanaan kebenaran PDA7 telah dibatalkan. Plaintif menghujahkan bahawa berdasarkan kebenaran yang defendan berikan, plaintif telah mengeluarkan perbelanjaan, modal dan pendapatan yang besar untuk perniagaan mereka dan akibat kemungkiran jangkaan munasabah dan penamatan pelaksanaan, plaintif telah mengalami kerugian, kerosakan dan berkemungkinan akan disaman oleh kebanyakan institusi kewangan. Plaintif menuntut satu deklarasi bahawa pembatalan kebenaran tersebut adalah tidak sah dan tidak memberi apa-apa efek dan menuntut ganti rugi dan kos. Defendan menghujahkan bahawa tuntutan plaintif adalah cacat dan merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah kerana dakwaan yang melibatkan isu undang-undang am seharusnya dimulakan dengan permohonan semakan kehakiman dan bukan melalui perbicaraan penuh. Isu-isu yang timbul adalah sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk membicara dan membuat keputusan dalam kes yang dikatakan mempunyai prosedur khusus; sama ada keputusan yang dibuat oleh defendan

adalah munasabah; dan sama ada terdapat jangkaan yang munasabah yang diberikan oleh defendan kepada plaintif.

Diputuskan:

(1) Walaupun kes ini melibatkan isu undang-undang am yang mempunyai elemen-elemen polisi awam, ianya melibatkan fakta khusus yang mahu atau pun tidak telah membangkitkan isu-isu undang-undang persendirian yang tentunya atas nama keadilan, tidak wajar diabaikan. Semua pertimbangan ini telah membawa mahkamah ke peringkat perbicaraan penuh yang selanjutnya membuka ruang kepada fakta-fakta lanjut dalam tuntutan ini. Bidang kuasa terletak pada mahkamah ini untuk mendengar tuntutan plaintif dan mengadili kes ini melalui perbicaraan penuh (lihat perenggan 11–14).

(2) Walaupun defendan tidak pernah memberi jaminan secara tutur kata bahawa kebenaran PDA7 yang diberikan akan berterusan untuk tempoh masa yang panjang, mengikut plaintif representasi berterusan yang dibuat oleh defendan memberi gambaran sedemikian. Dari gambaran, dorongan dan gesaan yang diberi adalah jelas bahawa PDA7 merupakan program yang kuat dan jitu. Ianya juga membangkitkan harapan bahawa penglibatan plaintif dalam PDA7 adalah sesuatu perniagaan yang berterusan dan mewajarkan perbelanjaan oleh plaintif di peringkat awal sebagai pelaburan yang bakal membawa keuntungan kelak kepada semua pihak yang terlibat (lihat perenggan 35).

(3) Plaintif telah berjaya membuktikan kesnya setakat yang diputuskan dalam tuntutan ini. Dalam mematuhi kehendak ketat defendan, plaintif telah menaik taraf dan memodenisasikan stesen-stesen minyak di bawah naungannya. Plaintif telah mengeluarkan perbelanjaan untuk maksud tersebut termasuk penukaran alat-alat kelengkapan keperluan stesen minyak seperti petrol dispensers, pylon signs, piping, underground petroleum storage tanks, air tanks dan infrastruktur-infrastruktur lain yang semuanya diperlukan bagi memungkinkan operasi perniagaan plaintif di stesen-stesen minyak tersebut di bawah PDA7. Dengan pembatalan PDA7, pembekalan petroleum dan diesel kepada stesen-stesen mini telah dilaksanakan secara langsung dan lancar oleh Petronas Dagangan Bhd (lihat perenggan 38–39).

[English summary

The Government of Malaysia, through Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs ('MDTCA') had introduced the PDA7 Program ('the PDA7') in which the plaintiff's company was permitted to supply petrol and diesel to mini petrol stations in rural areas by way of subsidy based on payment of fees for a consecutive period of three months. However, the defendant notified all permit holders of the PDA7 that the execution of the PDA7 permit

was revoked. The plaintiff contended that based on the permission granted by the defendant, the plaintiff had invested a huge amount of expenses, capital and income for their business and due to the breach of reasonable expectation and termination of execution, the plaintiff suffered losses, damages and would most likely be taken action against by most financial institutions. The plaintiff sought for a declaration that the revocation of the permission was invalid and was ineffective and further claimed for damages and costs. The defendant averred that the claim was defective and was an abuse of court process as claims in relation to public law issues must be commenced by way of an application for judicial review and not a full trial. The issues that arose were whether the court had the jurisdiction to hear and decide on a case which was said to have a specific procedure; whether the decision made by the defendant was reasonable; and whether there was a reasonable expectation given by the defendant to the plaintiff.

Held:

(1) Even though the case at hand was in relation to issues of public law which had elements of public policy, it involved specific facts which by choice or not, had raised the issues of private law which ultimately, in the name of justice, should not be disregarded. All these considerations had brought the court to a full trial stage which further gave room to further facts in this claim. The jurisdiction was vested upon this court to hear the plaintiff's claim and adjudicate the case through a full trial (see paras 11–14).

(2) Even though the defendant never gave an oral guarantee that the PDA7 permission granted would go on for a long period of time, according to the plaintiff, the representations made by the defendant painted such picture. Based on the description, encouragement and exhortation given, it was clear that PDA7 was a strong and stable program. It also raised the hope that the plaintiff's involvement in the PDA7 would be a continuous business that justified spendings by the plaintiff at the preliminary stage as an investment which would generate profit to all the parties involved (see para 35).

(3) The plaintiff had successfully proven its case insofar as decided in this claim. In complying the defendant's strict request, the plaintiff had upgraded and modernised the petrol stations under its wing. The plaintiff had spent for the purpose of changing equipments required by a petrol station such as petrol dispensers, pylon signs, piping, underground petroleum storage tanks, air tanks and other infrastructures which would all be needed to materialise the operations of the plaintiff's business at the petrol stations under the PDA7. With the revocation of the PDA7, petroleum and diesel supplies to the mini stations were carried out directly and smoothly by Petronas Dagangan Bhd (see paras 38–39).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai Mahkamah Tinggi, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 5269–5346.

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Jefri bin Mohd Jahri @ Md Johari v Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors [2010] 3 MLJ 145; [2010] 5 CLJ 865, MP (dirujuk)

Associated Provincial Picture Houses Ltd v Wednesbury Corporation [1948] 1 KB 223, MR (dirujuk)

Kumpulan Peransang Selangor Bhd v Zaid bin Hj Mohd Noh [1997] 1 MLJ 789, MA (dirujuk)

Sakapp Commodities (M) Sdn Bhd v Cecil Abraham (executor of the estate of Loo Cheng Ghee) [1998] 4 MLJ 651, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pembangunan Petroleum 1974 s 7, 7(c), (d)
Peraturan-Peraturan Petroleum 1974 peraturan 10

Veronica Dominic (Ahmad Hanafi bin Lop Ahmad bersamanya) (Prasad Abraham & Associates) bagi pihak plaintif.

Khairul Fazly bin Kamarudin (Syeela Marlina Uttaman bersamanya) (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendan.

Siti Khadijah PK:

FAKTA KES

[1] Kerajaan Malaysia telah melalui Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (kini dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ('KPDNKK') memperkenalkan satu program yang dikenali sebagai Program PDA7 pada tahun 2003.

[2] Melalui program tersebut, syarikat plaintif telah diberi kebenaran untuk membekalkan petrol dan diesel kepada stesen-stesen minyak mini di luar bandar secara subsidi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh defendan dari masa ke semasa.

[3] Plaintif diberi kebenaran melalui program tersebut mulai 1 April 2003 hingga 31 Mac 2005 dan 1 April 2005 hingga 31 Mac 2008 berdasarkan kepada bayaran yuran untuk tempoh tiga tahun sekali gus tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh defendan.

[4] Melalui surat bertarikh 10 November 2005 defendan telah

memaklumkan kepada semua pemegang kebenaran PDA7 bahawa perlaksanaan kebenaran PDA7 adalah dibatalkan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2006.

[5] Mengikut plaintif berdasarkan kepada kebenaran yang diberikan oleh defendan, plaintif telah bergantung kepada jaminan yang munasabah, sokongan dan galakan yang berterusan daripada defendan untuk mengeluarkan perbelanjaan, modal dan pendapatan yang besar untuk perniagaan mereka.

[6] Mengikut plaintif lagi berikutan daripada kemungkiran jangkaan munasabah dan penamatan perlaksanaan kebenaran PDA7 tersebut plaintif telah mengalami kerugian, kerosakan dan berkemungkinan akan disaman oleh kebanyakan institusi kewangan yang telah memberikan pinjaman kepada plaintif dalam usahanya untuk menjamin kejayaan Program PDA7.

[7] Sehubungan dengan itu plaintif menuntut satu deklarasi bahawa pembatalan kebenaran tersebut melalui surat 10 November 2005 adalah tidak sah dan tidak memberi apa-apa efek. Plaintif dengan itu juga menuntut ganti rugi dan kos.

[8] Menurut defendan tuntutan plaintif mencabar perubahan polisi kerajaan merupakan dakwaan yang melibatkan isu undang-undang am, maka sebarang tindakan plaintif terhadap defendan hendaklah dimulakan dengan permohonan semakan kehakiman dan bukan melalui perbicaraan penuh.

[9] Mengikut defendan lagi memandangkan plaintif telah menggunakan kaedah yang salah maka tuntutannya adalah cacat dan merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah.

SAMA ADA MAHKAMAH MEMPUNYAI BIDANG KUASA UNTUK MEMBICARA DAN MEMBUAT KEPUTUSAN DALAM KES INI

[10] Mahkamah dikatakan tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan tindakan ini yang mempunyai prosedur khusus untuk memulakan dan membicarakan tuntutan seperti ini.

[11] Dalam tuntutan ini mahkamah mendapati di peringkat awal defendan tidak mengemukakan sebarang bantahan terhadap prosedur tuntutan plaintif hinggalah tuntutan ini telah sedia untuk dibicarakan. Disebabkan keadaan itu telah menyebabkan fasa pertama kelewatan. Di samping itu walaupun kes ini melibatkan isu undang-undang am yang mempunyai elemen-elemen polisi awam didapati ianya melibatkan fakta khusus yang mahu ataupun tidak telah

membangkitkan isu-isu undang-undang persendirian (private law) yang tentunya atas nama keadilan tidak wajar diabaikan. Semua pertimbangan ini telah membawa mahkamah ke peringkat perbicaraan penuh yang selanjutnya membuka ruang kepada fakta-fakta lanjut dalam tuntutan ini.

[12] Seperti mana disebut oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Ahmad Jefri bin Mohd Jahri @ Md Johari v Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors* [2010] 3 MLJ 145 di ms 172, 173; [2010] 5 CLJ 865 di ms 866, 867:

> If it is a mixture of public and private law, then the court must ascertain which of the two is more predominat.
>
> But if the matter is under private law though concerning a public authority, the mode to commence such action under O 53 RHC is not suitable. Much depends on the facts of the case.

[13] Sehubungan dengan itu mahkamah akan memutuskan kes ini berdasarkan fakta khusus kes pada masa yang sama masih perlu menilaikan setakat manakah faktanya melibatkan undang-undang am dan undang-undang persendirian serta membuat keputusan yang adil berdasarkan fakta khusus kes ini.

[14] Mahkamah ini mendapati tuntutan ini bukan saja melibatkan isu undang-undang am tetapi juga isu undang-undang persendirian yang perlu diimbangkan. Sehubungan dengan itu pada pandangan mahkamah bidang kuasa terletak pada mahkamah ini untuk mendengar tuntutan plaintif dan mengadili kes ini melalui perbicaraan penuh.

SAMA ADA KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH DEFENDAN ADALAH MUNASABAH

[15] Keputusan defendan untuk membatalkan kebenaran Program PDA7 dibuat atas dasar budi bicara yang telah diperuntukkan di bawah peraturan 10, Peraturan-Peraturan Petroleum 1974 yang memperuntukkan bahawa:

> Regulation 10:
>
> Any license or permission granted or issued under the Petroleum Development Act 1974 [Act 144] and any regulations made thereunder shall continue to be in force until superseded, revoked or otherwise terminated and the provisions of these Regulations shall apply to such license or permission.

[16] Mengikut DW1 terdapat beberapa masalah yang timbul dalam perlaksanaan program kebenaran PDA7 iaitu isu penyelewengan diesel kepada sektor komersial dan isu penghantaran minyak/diesel yang tidak sampai ke stesen-stesen minyak mini.

[17] Dari keterangan yang dikemukakan menunjukkan keadaan ini dibincang secara serius yang mana pihak plaintif tidak pernah nafikan kepincangan yang berlaku merupakan isu nasional yang perlu diatasi malahan pada pandangan mahkamah kepincangan itu sendiri sepertimana yang ditegaskan oleh defendan menggagalkan asas Program PDA7 yang sama-sama dibina dengan penuh galakan, sokongan, bimbingan dan gesaan daripada pihak defendan.

[18] Walaupun plaintif menghujahkan bahawa alasan ini tidak diplid oleh defendan adalah didapati sama ada dari keterangan plaintif yang tidak pernah membantah ataupun mempertikai, mahupun defendan, adalah jelas daripada awal bahawa segala program yang dibuat oleh pihak defendan adalah demi kepentingan nasional dan tidak dapat dinafikan dengan adanya peraturan 10 telah dapat dimanfaatkan untuk mengatasi masalah yang melibatkan undang-undang am serta polisi awam yang perlu diberi keutamaan dalam apa jua keadaan semata-mata demi kepentingan nasional.

[19] Tidak dapat dipertikaikan bagi melaksanakan polisi defendan ke arah matlamat tersebut defendan diperuntukkan dengan kuasa mutlak yang tidak boleh diganggu gugat oleh mana-mana pihak termasuk mahkamah sendiri. Ini adalah memandangkan pihak defendan lebih mengetahui dasar, keperluan, permasalahan, pertimbangan wajar dan bentuk tindakan yang kesemuanya menuju ke arah penerapan *good administration* yang berteraskan polisi dan ketetapan yang tidak berada dalam lingkungan pengetahuan mahkamah. Seperti mana yang diputuskan oleh Mahkamah Agong dalam *Kumpulan Peransang Selangor Bhd v Zaid bin Hj Mohd Noh* [1997] 1 MLJ 789, 'There may be cases in which for reasons of eg public policy, national interest it may be wholly inappropriate for the courts to attempt a substitution of views. Unlike the Executive, the Judiciary is not armed with all the information relevant to such matters. The High Court, in the exercise of its discretionary power, should decline to enter into the merits of a decision involving these policy considerations.'

[20] Dalam hal ini kearifan keputusan terletak pada pihak defendan yang berhak sepenuhnya membatalkan program mengikut undang-undang dan kuasa yang berada dengannya. Sama ada keputusan yang dibuat munasabah atau tidak itu bukanlah sesuatu yang perlu dipersoalkan ataupun diputuskan oleh mahkamah ini.

[21] Sehubungan dengan itu dalam hal seperti ini mahkamah tidak berupaya mempertimbangkan sama ada prinsip-prinsip asas yang ditetapkan dalam kes *Wednesbury* untuk mencabar keputusan budi bicara pihak berkuasa awam telah dipatuhi ataupun tidak. Sila rujuk *Associated Provincial Picture Houses Ltd v Wednesbury Corporation* [1948] 1 KB 223.

[22] Maka dalam hal ini adalah tidak wajar bagi mahkamah membuat deklarasi bahawa pembatalan kebenaran PDA7 melalui surat 10 November 2005 adalah tidak sah dan tidak memberi apa-apa efek. Dalam hal ini sepertimana yang dinyatakan oleh Gopal Sri Ram HMR dalam *Sakapp Commodities (M) Sdn Bhd v Cecil Abraham (executor of the estate of Loo Cheng Ghee)* [1998] 4 MLJ 651:

> It is beyond dispute that the remedy of declaration is discretionary in nature … Although s 41 of the Specific Relief Act 1950 is not a complete code the subject of declaratory decrees … and the power to make a declaration is almost unlimited…yet, the remedy of declaration may be refused upon settled principles. Thus, generally speaking, the court will not grant a declaratory judgment where an adequate alternative remedy is available, or upon an issue of no practical consequence … or where it may be premature to grant a declaration … or where a plaintiff is guilty of laches…. or other inequitable conduct … or where a 'cloaked declaration', that is to say, a declaration for a collateral purpose … or with an improper motive, is sought. We wish to make it plain that this list is by no means exhaustive. We merely seek to demonstrate the wide variety of circumstances in which declaratory relief may be denied in the exercise of discretion.

SAMA ADA TERDAPAT JANGKAAN YANG MUNASABAH YANG DIBERIKAN OLEH DEFENDAN KEPADA PLAINTIF?

[23] Pemegang kebenaran PDA7 dikehendaki untuk memperbaharui kebenaran yang diberikan setiap tahun dan permohonan pembaharuan perlu dikemukakan tiga bulan sebelum tempoh tamat kebenaran.

[24] Pemegang lesen PDA 7 diberikan kelonggaran untuk membayar yuran kebenaran tersebut untuk tempoh tiga tahun secara terus.

[25] Perbezaan yang jelas yang ditonjolkan oleh fakta dalam kes ini adalah dengan adanya arahan dan pemantauan yang begitu terperinci dan padu oleh KPDNKK supaya plaintif bersikap proaktif mematuhi syarat yang memerlukan perbelanjaan yang besar dari plaintif yang jika gagal dipatuhi akan menerima kesan menghukum yang merugikan. Sebagai contoh lesen plaintif boleh ditamatkan atau dibatalkan serta hilang peluang penglibatan dalam Program PDA7 pada masa hadapan. Tujuan arahan dan gesaan adalah semata-mata untuk menjayakan Program PDA7.

[26] Stesen-stesen mini di bawah naungan plaintif juga tertakluk kepada syarat-syarat yang jika gagal dipatuhi akan mengakibatkan kesan yang sama.

[27] Mengikut proviso s 7(c) dan 7(d) PDA 1974:

7 Power to make regulations

The Prime Minister may make regulations for the purpose of carrying into effect the provision of the Act and without prejudice to the generality of the foregoing, such regulation may, in particular, provide for —

(a) …

(b) …

(c) penalties in the form of a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or imprisonment not exceeding five years or both such fine and imprisonment for breach of any of the regulations and for non-compliance with any term or condition of any license, permission or approval issued or granted under the regulations;

(d) the forfeiture of anything used or intended to be used in the commission of any such breach or non-compliance.

[28] Untuk memastikan lesen PDA7 dan kelulusan KPDNKK tidak ditamatkan atau dibatalkan dan tiada tindakan penal di bawah s 7 PDA 1974 diambil oleh defendan terhadap plaintif dan/atau stesen-stesen mini di bawah naungan plaintif segala keperluan ketat berkaitan Program PDA7 dipastikan dipatuhi yang memerlukan perbelanjaan sebagai pelaburan dengan penuh harapan bahawa penglibatan serius dan bersemangat dalam perniagaan Progam PDA7 ini akan lambat-laun mendatangkan hasil serta keuntungan yang akan dikecapi kelak.

[29] Mengikut PW3 walaupun tidak terdapat perjanjian dalam bentuk dokumen di antara plaintif dan defendan hubungan di antara mereka semasa Program PDA7 adalah berdasarkan kepada jangkaan-jangkaan munasabah.

[30] Setelah diberi lesen dan kebenaran, plaintif diminta mengadakan taklimat mengenai program ini dengan jelas kepada semua stesen-stesen di bawah naungan plaintif.

[31] Plaintif telah diarah untuk menaiktarafkan semua stesen-stesen mini di bawah naungan plaintif.

[32] Plaintif diminta memberi imej baru kepada stesen-stesen di bawah naungan plaintif dan dalam hal ini pelancaran telah dirasmikan oleh defendan.

[33] Jumlah syarikat-syarikat yang mendapat kelulusan daripada defendan juga telah semakin bertambah.

[34] Keterangan yang berlatarbelakangkan senario, hal keadaan serta tingkah laku *(conduct)* pihak-pihak yang mempamerkan keikhlasan serta

keseriusan menjayakan Program PDA7 pada sepanjang tempoh berkenaan sewajarnya membangkitkan jangkaan munasabah bukan saja kepada plaintif bahkan kepada sesiapa saja dalam situasi yang sama.

[35] Walaupun defendan tidak pernah memberi jaminan secara tutur kata bahawa kebenaran PDA7 yang diberikan akan berterusan untuk tempoh masa yang panjang, mengikut plaintif representasi berterusan yang dibuat oleh defendan memberi gambaran sedemikian. Dari gambaran dan dorongan serta gesaan yang diberi adalah jelas bahawa Program PDA7 merupakan program yang kuat dan jitu. Ianya juga membangkitkan harapan bahawa penglibatan plaintif dalam Program PDA7 adalah sesuatu perniagaan yang berterusan dan mewajarkan perbelanjaan oleh plaintif di peringkat awal sebagai pelaburan yang bakal membawa keuntungan kelak kepada semua pihak yang terlibat.

[36] Penamatan Program PDA7 dan pembatalan lesen plaintif secara mendadak telah mencetuskan kekecewaan yang membawa kerugian kepada plaintif. Semuanya telah berlaku sebelum pelaburan plaintif dapat membuahkan hasil. Saksi-saksi defendan didapati gagal menyangkal bahawa industri petroleum dan diesel merupakan satu pelaburan jangka masa panjang.

[37] Setelah Program PDA7 ini ditamatkan pihak PETRONAS Dagangan Bhd. sebagai pembekal yang dilantik selepas itu telah menikmati segala kemudahan-kemudahan hasil pelaburan plaintif ke atas stesen-stesen mini di bawah naungan plaintif sebelum itu. Mengikut pertimbangan mahkamah secara keseluruhannya telah berlaku kemungkiran terhadap jangkaan munasabah yang telah diberi kepada plaintif dan situasi yang menyelubungi kes ini mewajarkan plaintif mendapat ganti rugi.

[38] Berasaskan rumusan imbangan kebarangkalian serta imbangan antara kepentingan undang-undang am yang melibatkan polisi awam dan kepentingan undang-undang persendirian mahkamah mendapati plaintif telah berjaya membuktikan kesnya setakat yang diputuskan dalam tuntutan ini dengan itu membenarkan tuntutan plaintif dengan kos RM10,000. Faedah 5% dari tarikh penghakiman hingga ke tarikh perlaksanaan penghakiman.

[39] Dalam mematuhi kehendak ketat defendan plaintif telah menaik taraf dan memodenisasikan stesen-stesen minyak di bawah naungannya. Plaintif telah mengeluarkan perbelanjaan untuk maksud tersebut termasuk penukaran alat-alat kelengkapan keperluan stesen minyak seperti petrol dispensers, *pylon signs, piping, underground petroleum storage tanks, air tanks* dan infrastruktur-infrastruktur lain yang semuanya diperlukan bagi memungkinkan operasi perniagaan plaintif di stesen-stesen minyak tersebut di bawah Program PDA7. Dengan pembatalan program ini pembekalan

petroleum dan diesel kepada stesen-stesen mini telah dilaksanakan secara *'direct'* dan lancar oleh Petronas Dagangan Bhd dengan adanya segala kelengkapan untuk dimanfaatkan.

[40] Untuk itu plaintif akan dibayar ganti rugi atas perbelanjaan-perbelanjaan tersebut. *Quantity surveyor* ('QS') akan dilantik oleh mahkamah dari senarai QS yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak untuk menentukan segala pembinaan dan nilai yang disiapkan oleh plaintif di stesen-stesen minyak bawah naungan plaintif pada ketika itu.

Perintah seperti dipohon.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor